

Kerajaan dahulu tiada usaha jayakan Wawasan 2020

KUALA LUMPUR 5 Okt. - Wawasan 2020 yang diilhamkan Tun Dr. Mahathir Mohamad pada tahun 1991 dilihat gagal mencapai kejayaan disebabkan tiada usaha sejak 15 tahun lalu bagi menjayakan matlamat menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju.

Perdana Menteri sebaliknya menegaskan, kerajaan terdahulu hanya menumpukan kepada pemberian bantuan kepada rakyat dengan cara yang mudah.

Menurut Dr. Mahathir, hal demikian dilihat berbeza dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030) yang baharu apabila kerajaan Pakatan Harapan (PH) akan memberi tumpuan kepada pelbagai bentuk latihan dan peluang supaya rakyat boleh menguruskannya sehingga mencapai kejayaan.

“Wawasan 2020 bertujuan jadikan kita negara maju tetapi sejak 15 tahun ke belakang ini tidak ada usaha bersungguh-sungguh untuk mencapai

matlamat. Sebaliknya tumpuan ialah untuk memberi pendapatan tinggi dengan cara begitu sahaja, beri wang dengan gaji yang tinggi, Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) dan sebagainya.

“Bukan hasil usaha mereka (rakyat) tetapi hasil pemberian kerajaan dan apabila kerajaan memberhentikan atau pun tak lagi mempunyai wang untuk beri bantuan seperti ini, mereka akan terus miskin,” katanya dalam sidang akhbar selepas melancarkan WKB2030 di sini hari ini.

Dalam pada itu, Dr. Mahathir turut meluahkan keyakinan bahawa WKB2030 merupakan sebuah dasar baharu yang lebih baik berbanding Wawasan 2020 kerana dapat dinikmati oleh semua lapisan masyarakat.

“Kali ini kita akan beri latihan supaya dengan pengalaman dan peluang yang diberi, mereka dapat menguruskannya sehingga mencapai kejayaan,” katanya.